



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8892 6600 Faks: 03-8892 6616

Laman web: www.wipers.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PENERAJU PEMBANGUNAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 23 MAC 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan 2019 dan Pelancaran Program Bakat Sukan Wilayah (BSW) yang merupakan elemen penting dalam pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) berperanan dalam menyelaras pembangunan sukan di tiga - tiga Wilayah telah merangka 10 elemen ekosistem yang menjadi keperluan bagi mewujudkan persekitaran dan perkembangan sukan mampan di Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan majlis pada hari ini juga telah merangkumi dua elemen yang menjadi keutamaan pada ketika ini iaitu tadbir urus persatuan dan pelaksanaan program pembangunan bakat.

MSWP sentiasa berusaha untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran sukan di Wilayah Persekutuan di perkasakan secara menyeluruh di semua peringkat. Oleh itu, kewujudan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan diperkemaskan semula agar dapat memperkasakan peranan MSWP dalam pembangunan sukan secara menyeluruh.

Pada hari ini, MSWP turut memperkenalkan program Bakat Sukan Wilayah (BSW) iaitu program pembangunan sukan yang memberi tumpuan kepada pencarian bakat baru di peringkat akar umbi dalam memastikan Wilayah Persekutuan tidak ketandusan atlet pelapis.

BSW dirangka khusus kepada atlet-atlet muda untuk menjalani program latihan teknikal dan taktikal asas yang lebih sistematik dengan melibatkan sebanyak 15 jenis sukan teras. Seramai 38 orang jurulatih telah dilantik untuk melaksanakan program di 16 Pusat Latihan Negeri (PLN) dan lapan (8) Pusat Latihan Kawasan (PLK) dengan sasaran penyertaan seramai 360 orang atlet yang berusia 12 hingga 17 tahun.

BSW ini menjadi salah satu produk Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) selaras hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan untuk melahirkan lebih ramai atlet yang berpotensi mewakili Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA) dan seterusnya menjadi atlet kebangsaan.

Pada majlis ini juga, sejumlah RM390,000.00 bantuan pentadbiran telah diperuntukan kepada 86 persatuan sukan di tiga-tiga Wilayah Persekutuan bagi memastikan tadbir urus persatuan sukan yang lebih kemas dan sistematik.

Malah, YB Menteri Wilayah Persekutuan turut menyampaikan insentif kemenangan pingat berjumlah RM31,100.00 kepada atlet-atlet sukan orang pekak Wilayah Persekutuan yang telah berjaya memperoleh 7 pingat emas, 11 pingat perak dan 5 pingat gangsa seterusnya menjadi juara keseluruhan SOPMA Perak 2018.

Disediakan Oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan